

# Kakitangan UMS lawat Balai Berita

BH 17.12.2015 6



Fadzlena (kanan) menunjukkan akhbar Didik kepada Vina Zahriani (dua dari kiri) ketika lawatan kakitangan UMS ke Balai Berita Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO HALIMATON SAADIAH SULAIMAN/BH]

**Kuala Lumpur:** Seramai 10 kakitangan Bahagian Perhubungan Korporat, Universiti Malaysia Sabah (UMS) berkunjung ke Balai Berita, di sini, semalam, bertujuan mendapatkan pendedahan mengenai operasi di syarikat media cetak.

Delegasi UMS itu diberi taklimat korporat mengenai suasana kerja di bahagian editorial Berita Harian (BH) oleh Pengarang Kumpulan BH, Datuk Mahfar Ali sebelum dibawa melawat ke Pusat Sumber The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP).

Yang turut hadir, Penulis Khas

Kanan BH, Saidon Idris; Pengarang Bersekutu Ehwal Semasa, Kadir Dikoh dan Pengarang Pendidikan BH, Fadzlena Jaafar.

## **Jalin kerjasama kembang bidang pendidikan**

Ketua Bahagian Perhubungan Korporat UMS, Vina Zahriani-Yusof, berkata usaha itu juga sebagai permulaan menjalinkan kerjasama bagi mengembangkan bidang pendidikan antara institusi pengajian tinggi bersama media.

“Lawatan ini sebagai platform untuk pihak kami lebih mengetahui serta memahami

operasi sesebuah media percetakan serta melihat kerjasama yang boleh dilakukan oleh kedua-dua belah pihak.

Antara yang hadir, Pegawai Penerbitan UMS, Che Hasruddin Che Hassan; Penerbit Rancangan, Mardi@Ady Maldin dan Feria Lee; Penolong Pegawai Tadbir, Mohammad Radzi Sahar; Penolong Pegawai Penerangan, Salbinous Saribun; Ahli Fotografi, Johaidi Ismail; Penolong Jurutera, Mohd Shahrir Matbi; Pembantu Wartawan, Faezah Md Dun serta Pembantu Tadbir, Mohd Affzanizam Mohd Amin.